

# Falsafah Kami



Strategi yang kami ikuti serta langkah yang kami ambil semuanya sehaluan untuk mencipta nilai bagi semua yang mempunyai kepentingan.

## Cara AmBank

### Budaya Kecemerlangan dan Profesionalisme

#### Keutamaan Pelanggan

Pelanggan kami adalah tujuan kewujudan kami. Kami komited kepada mereka dan kami berusaha untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada semua pelanggan kami.

#### Integriti

Integriti dan kejujuran adalah paling utama dalam segala yang kami lakukan apabila kami mengendalikan perniagaan. Kami akan melayani semua rakan perniagaan dan pesaing dengan penuh kesantunan dan kemuliaan.

#### Ketangkasan dan Daya Kreatif

Kami berusaha untuk bersikap tabah, responsif dan tangkas dalam urusan kami. Kami tidak gentar untuk menampilkan idea dan pendekatan yang baru.

#### Kualiti

Segala hasil keluaran kami mewakili Kumpulan AmBank. Kami tidak akan berkompromi terhadap apa yang perlu dilakukan demi menjaga reputasi Kumpulan.

#### Inisiatif

Kami diberi kuasa untuk bertanggungjawab ke atas segala yang kami lakukan dan berusaha lebih daripada biasa dan mengguna pakai keputusan yang munasabah semasa dalam proses.

#### Visi dan Bermatlamat

Kami adalah satu pasukan yang sentiasa berjaya. Kemenangan dan matlamat kami dicapai melalui semangat utuh mengejar matlamat, bertanggungjawab dan komitmen.

#### Kerjasama

Kerjasama adalah punca kejayaan kami. Kami sanggup untuk berganding dengan kumpulan yang rasmi dan tidak rasmi, menghargai rakan sekerja serta bekerjasama sepenuh hati dengan mereka.

#### Pemikiran Terbuka

Semangat berkomunikasi secara terbuka adalah penting bagi kami. Kami memberi dan menerima kritikan secara membina. Kami sentiasa melayan satu sama lain dengan penuh hormat dan mesra.

#### Pencapaian Diri

Kami membimbing, mengembang dan membentuk warga kami agar dapat mencapai potensi mereka yang tertinggi. Kami akan mengolah keupayaan mereka untuk menyumbang dengan bermakna kepada Kumpulan AmBank.

# Sejarah dan Perkembangan Korporat Terkini

Kumpulan AmBank telah menikmati kejayaan yang bermakna sepanjang tiga dekad yang lalu. Bersama-sama, kami telah membina salah satu institusi kewangan yang terbesar dan paling pantas berkembang dalam negara.



## Sejarah Awal Kami

Menyingkap kembali sejarah awal kami, Arab-Malaysian Development Bank Berhad (AMDB) dikorporatkan pada 5 Ogos 1975 di bawah usaha sama antara Malaysian Industrial Development Finance Berhad (55.0%), Arab Investments for Asia (Kuwait) dengan pegangan saham 33.0%, dan National Commercial Bank (Arab Saudi) dengan pegangan 12.0%.

Kami memulakan operasi pada 1 April 1976, dengan hanya empat kakitangan, dalam ruang pejabat setingkat di Bangunan Hong Leong di Jalan Bandar, Kuala Lumpur. Hari ini, kami telah berkembang menjadi sebuah Kumpulan dengan bilangan kakitangan seramai 9,280.

Dua tahun kemudian dalam tahun 1978, kami berpindah ke Bangunan Dato' Zainal di Jalan Melaka, dengan ruang pejabat enam tingkat. Langkah besar seterusnya berlangsung pada 1986, apabila kami berpindah ke ibu pejabat korporat kami di Jalan Raja Chulan yang kekal sehingga hari ini.

Tan Sri Dato' Azman Hashim, yang kini sinonim dengan Kumpulan kami, mula-mula muncul sebagai pemegang saham utama AMDB, dengan pembelian 55.0% pegangan saham yang dimiliki MIDF pada 22 April 1982, dan kemudiannya dalam tahun yang sama, mengambil alih pegangan yang tinggal dimiliki pihak Arab Saudi.

Bank kemudian mengubah namanya pada Disember 1983 kepada Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad (AMMB), nama yang digunakan selama hampir tiga dekad sehingga penjenamaan semula kami pada bulan Jun 2002.

Apa yang unik adalah kami merupakan satu-satunya kumpulan perbankan yang mempunyai asal-usul sebagai sebuah bank saudagar. Sejarah dengan cita-cita untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap untuk para pelanggan kami, dalam haluan masa, kami memperoleh operasi yang diperlukan, ataupun membangunkan anak syarikat sendiri untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan itu. Namun, cebisan yang tiada dalam perkhidmatan kewangan yang kami tawarkan, adalah sebuah lesen perbankan perdagangan.

Oleh kerana undang-undang perbankan Malaysia tidak membenarkan bank saudagar memegang sebuah bank perdagangan sebagai anak syarikat, AMMB melengkapkan langkah penstrukturkan semula penting pada 1992, di mana AMMB Holdings Berhad muncul sebagai syarikat pemegangan untuk Kumpulan.

Hanya selepas itu, barulah cita-cita kami tercapai pada 1 Ogos 1994, dengan penubuhan AmBank Berhad untuk memperolehi sayap operasi bank perdagangan cawangan Bank of America Asia (HK) Limited di Malaysia, yang beroperasi di bawah nama Security Pacific Asian Bank.

Pengembangan penting kami yang seterusnya tiba dengan perolehan sayap operasi syarikat kewangan MBF Finance Berhad pada Jun 2002, membawa kepada penjenamaan semula besar-besaran Kumpulan, yang mengambil warna merah dan kuning terang di bawah panji "AmBank Group".

Sejarah sepanjang dua dekad pertama kami dipenuhi satu demi satu pencapaian "Yang Pertama", dengan langkah kami diiringi pelbagai inovasi, serta produk dan

perkhidmatan baru untuk memenuhi pelbagai keperluan para pelanggan kami.

Walaupun krisis Asia pada tahun 1998 memberi kesan kepada banyak syarikat korporat di Malaysia, termasuk Kumpulan AmBank sendiri, kami muncul semula sebagai sebuah institusi yang lebih kukuh. Kami telah mengorganisasikan semula dan memperkemas operasi perniagaan kami kepada perbankan pelaburan, perbankan runcit dan perdagangan, perbankan Islam dan juga perniagaan insurans. Kami juga telah memperkuuhkan segala proses dan tatacara kerja, serta piawai pengurusan risiko kami. Setelah menyatakan semula kedudukan kami dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia, kini kami melihat kepada pengembangan di peringkat rantau.

Pada tahun 1994, kami memperkenalkan janji korporat "**Bersama-sama, Kita Boleh Lakukan Segalanya**", satu pernyataan yang membuktikan komitmen untuk menyediakan penyelesaian inovatif untuk para pelanggan kami. Walau bagaimanapun, dengan persekitaran persaingan mencabar masa kini, di mana perkhidmatan pelanggan menjadi kunci kepada kejayaan, janji korporat kami juga telah berkembang menjadi "**Customer F.I.R.S.T**". Janji kami, ialah ANDA, sebagai pelanggan kami, adalah fokus utama dalam apa sahaja yang kami lakukan.

Hari ini, dengan rangkaian cawangan kami di seluruh negara, rangkaian ATM, dan juga perkhidmatan perbankan internet, kami boleh menyatakan bahawa Kumpulan AmBank, sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan kelima terbesar dalam negara, benar-benar berada hanya satu panggilan telefon, atau satu klik sahaja dari anda.



1976

- Kumpulan memulakan operasi pada 1 April 1976 sebagai usaha sama antara pemegang saham Arab Saudi dan Malaysia.

1977

- Kumpulan memperolehi pegangan saham sebanyak 70.0% dalam Malaysian Industrial Finance Company Limited (MIFCL), yang kemudiannya dinamakan Arab-Malaysian Finance Berhad (AMFB).

1980

- AMMB adalah Pengurus Utama Bersama Pinjaman Bertempoh Bersindiket 12-Tahun bernilai US\$200.0 juta untuk Kerajaan Malaysia.
  - AMMB memulakan langkah penubuhan Malaysian Kuwaiti Investment Company Sdn Bhd, usaha sama antara Perbadanan Nasional Berhad, Kuwait Real Estate Investment Consortium dan Public Institution for Social Security, Kuwait.
  - AMMB bertindak sebagai Penasihat kepada Kuwait Real Estate Investment Consortium, Singapura.

- AMFB menjadi institusi sektor swasta pertama di Malaysia yang mengeluarkan bon awam – RM20.000 juta Bon Terjamin 8.5% 1987, disenaraikan di KLSE. Bon yang dijamin pihak Bank menandakan babak baru sejarah pengumpulan dana sektor swasta dalam pasaran modal.

1982

- Tan Sri Dato' Azman Hashim memperolehi pegangan saham 100.0% Kumpulan.



- Kumpulan memperolehi baki 30.0% pegangan saham dalam AMFB, menjadikan syarikat kewangan itu sebuah anak syarikat milik penuh.

1983

- Kumpulan menubuhkan Arab Malaysian Credit Berhad, sebuah syarikat kredit dan pemaijakan.

1984

- Kumpulan melancarkan Malaysian Ventures Berhad - syarikat modal usaha niaga pertama yang menjalankan pelaburan ekuiti swasta.

- Kumpulan menguruskan perkhidmatan pemajakan pengumpilan pertama di dalam negara untuk TV3 - Sistem Televisyen Malaysia Berhad.





- AMMB melengkapkan kajian Kerajaan ke dalam penswastaan Jabatan Telekom.
- Pada tahun 1984, Kumpulan memperolehi Arab-Malaysian Insurance Berhad (AMIB), sebuah syarikat insurans am yang dahulu dikenali sebagai Teguh Insurance Company Sdn Bhd.

### 1985

- Kumpulan memperolehi Perima Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans nyawa. Kedua-dua syarikat insurans nyawa dan insurans am kemudiannya digabungkan pada tahun 1987, memegang lesen insurans komposit, dan entiti ini diberi nama Arab-Malaysian Eagle Assurance Berhad (kini dikenali sebagai AmAssurance Berhad).



### 1986

- Kumpulan memperolehi syarikat pembrokeran saham Kris Securities Sdn Bhd, kini dikenali sebagai AmSecurities Sdn Bhd.
- Kumpulan berpindah ke ibu pejabat korporat baru di Jalan Raja Chulan.
- Pada Disember 1986, Antah Holdings Berhad dan Tokai Bank Limited, Japan masing-masing memperolehi pegangan saham 20.0% dalam Kumpulan.
- Arab-Malaysian Unit Trusts Berhad dilancarkan, untuk menguruskan dana amanah saham.



### 1987

- Pada 22 Januari 1987, AMMB melancarkan Arab-Malaysian Gilts, amanah saham pertama yang membuat pelaburan 90.0% dalam sekuriti Kerajaan Malaysia, untuk memberikan pendapatan terkecuali cukai untuk pelabur individu di atas dana jangka pendek mereka.
- Pada Julai 1987, AMMB melancarkan program AMIGOS (Arab-Malaysian Individuals' Government Securities) untuk membolehkan pelabur runcit melabur dalam sekuriti kerajaan.
- AMMB menaja penubuhan The Malaysia Fund Inc, dana pelaburan tertutup yang disenaraikan di Bursa Saham New York, untuk melabur dalam ekuiti syarikat-syarikat Malaysia yang disenaraikan di KLSE. The Malaysia Fund berjaya mengumpul dana sebanyak US\$87.0 juta.





## 1988

- AMMB menjadi bank saudagar pertama yang disenaraikan di KLSE.
- AMMB dilantik sebagai Penasihat kepada Kerajaan dalam merangka Pelan Induk Penswastaan Nasional.
- AMMB melancarkan dana amanah saham ekuiti yang pertama digelar Arab-Malaysian First Fund.

## 1989

- Pada 21 April 1989, AMMB bersama-sama dengan Nikko Securities Co. Ltd Tokyo dan International Finance Corporation, Washington melancarkan dana amanah saham dalam matawang Dolar Amerika, The Malaysia Growth Fund, yang ditujukan kepada pelabur Jepun.
- Pada 28 September 1989, Arab-Malaysian Property Trust menjadi amanah harta tanah pertama disenaraikan di KLSE.



## 1990

- AMMB dilantik sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin pengapungan Telekom Malaysia Berhad.
- AMFB memperolehi First Malaysia Finance Berhad.



## 1991

- Pada Julai 1991, Kumpulan memperolehi pegangan ekuiti 49.0% dalam Fraser International Pte Ltd, syarikat pemegangan Fraser Securities, Singapura.
- AMMB dengan kerjasama The Nikko Securities Co. Ltd di Jepun, menaja penubuhan Malaysia Fund (Labuan), dana amanah saham luar pesisir pertama di Wilayah Persekutuan Labuan.

- Pengkorporatan AMMB Holdings Berhad, untuk menjalankan skim penstrukturkan semula korporat. Dengan skim itu, AMMB Holdings Berhad menjadi syarikat pemegangan Arab-Malaysian Banking Group, dan mengambil alih penyeraian AMMB.
- Arab-Malaysian Finance Berhad, syarikat kewangan pertama Kumpulan, disenaraikan di KLSE.
- Penubuhan AMMB Labuan (L) Ltd untuk menawarkan pengurusan dana luar pesisir.



## 1992

- AMMB Holdings Berhad (AHB) memenangi Anugerah Pengurusan Asia untuk Penguruan Kewangan dari Institut Pengurusan Asia.

## 1993

- AMMB melancarkan Tabung Iltikal Arab-Malaysian, dana amanah saham Islam pertama, pada 12 Januari 1993.

- AMMB menjadi Pengurus Bersama terbitan Dragon Bonds berjumlah US\$300.0 juta oleh General Electric Corporation.
- AMMB bertindak sebagai Pengurus dan Penyusun Kemudahan Kredit Bersindiket berjumlah RM240.0 juta untuk pembinaan Menara Kuala Lumpur.

## 1994

- Pada 1 Ogos 1994, Kumpulan melibatkan diri dalam perbankan perdagangan dengan memperolehi operasi Security Pacific Asian Bank Limited di Malaysia daripada Bank of America (Asia) Limited. Memulakan operasi perbankan perdagangan di bawah nama Arab-Malaysian Bank Berhad.





### 1995

- Pada 1 April 1995, AMMB International (L) Ltd memulakan operasi perbankan luar pesisir di Labuan, bank saudagar pertama yang menawarkan perkhidmatan perbankan luar pesisir.
- AMMB Futures Sdn Bhd memulakan perniagaan pembrokeran hadapan.

### 1996

- Laporan tahunan AMMB Holdings Berhad memenangi ‘Anugerah Keseluruhan Laporan Tahunan Terbaik’ untuk enam tahun berturut-turut sejak 1991 hingga 1996 dalam pertandingan NACRA.
- Macquarie Bank Limited, Australia memperolehi pegangan saham 30.0% dalam AMMB Futures Sdn Bhd.
- Mengalihkan perniagaan pengurusan dana portfolio AMMB ke dalam anak syarikat asing, AMMB Asset Management Sdn Bhd.


• Macquarie Bank Limited, Australia memperolehi pegangan saham 30.0% dalam AMMB Asset Management Sdn Bhd dan Arab-Malaysian Unit Trust Berhad.

• Kajian Far Eastern Economic Review 1996 ke atas 200 Syarikat Utama Asia menyenaraikan AMMB di tempat pertama dalam kategori “Paling Inovatif dalam Memenuhi Keperluan Pelanggan” dan tempat ketiga dari segi “Pengurusan Keseluruhan”.

• Visa International menganugerahkan AmBank Al-Tasrif VISA Card Anugerah Kecemerlangan Ahli untuk “Program Kad Paling Kreatif di Asia 1996”.

### 1997

- AMMB Securities (HK) Limited memulakan operasi pembrokeran saham di Hong Kong.
- Laman web Kumpulan dianugerahkan ‘Laman Web Internet Terbaik Tahun 1997’ oleh Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM).



### Datuk Azman dan David “Ahli Bank Utama ASIA”

HONG KONG 14 Jan. — Pengarah Ahli Malaysian Merchant Bank (AMMB) Datuk Azman Hashim dan Ketua Pengurusan oversyuklup Pengurusan Bank Of East Asia, David K.P. Li telah dilantik sebagai ahli Bank Utama Asia bagi tahun 1995 oleh Asia Finance, majalah keuangan terkenal di rantau ini.

David menggantikan pengarah Ahli Malaysian Merchant Bank (AMMB) Datuk Azman Hashim dan Ketua Pengurusan oversyuklup Pengurusan Bank Of East Asia, David K.P. Li telah dilantik sebagai ahli Bank Utama Asia bagi tahun 1995 oleh Asia Finance, majalah keuangan terkenal di rantau ini.



DATUK AZMAN

Dalam menantik Ertik Li untuk valid setia dirupa dan hadiah nobatannya itu, Asia Finance memujji peranan stafnya dalam meningkatkan aktiviti Bank China dalam merealisasikan ekonomi makmur.

Asia Finance juga mengucili datuk azman dengan penghargaan pengurusan kredit yang bersifat sistem pasaran modal antaranya mendapat pengiktirafan kedua-dua sektor usaha dan awam di Malaysia.

### 1998

- AMFB memperolehi aset-aset dan liabiliti Abrar Finance Berhad, selari dengan rancangan Kerajaan untuk penggabungan dalam industri.
- AMMB menerima anugerah ‘Derivatives OTC National Award’ dari Malaysian Monetary Exchange Berhad.

### 2000

- CFO Asia memilih Laporan Tahunan TK2000 AMMB Holdings Bhd, antara tiga laporan tahunan terbaik di Malaysia.

**CFO Asia**  
BEST ANNUAL REPORTS AWARDS  
2000

“Kejayaan kami tidak berpunca daripada mana satu produk, tetapi ia berdasarkan keupayaan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan yang lengkap.”

— Tan Sri Dato’ Azman Hashim  
Pengerusi, Kumpulan AmBank



## 2001

- AMFB memperolehi MBf Finance Berhad.
- AmBank dan AMFB bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan melancarkan Tabung Perumahan Ehsan, sebuah skim pinjaman perumahan khas untuk golongan berpendapatan rendah negeri itu.

## 2002

- Penggabungan Arab-Malaysian Finance Berhad dengan MBf Finance Berhad, selepas pemindahan aset dan liabiliti AMFB ke dalam MBf Finance Berhad. MBf Finance bertukar nama kepada AmFinance Berhad. AMFB bertukar menjadi sebuah syarikat pemegangan.

- Penjenamaan semula dan pertukaran nama daripada "Arab-Malaysian Banking Group" kepada "AmBank Group" dengan warna korporat baru Kumpulan – merah terang menandakan kemakmuran manakala kuning terang sebagai simbol komitmen dan perpaduan – melambangkan identity korporat kami yang baru dan menandakan perubahan menjadi sebuah organisasi yang lebih fokus kepada pelanggan.

## 2003

- Bangunan AmFinance, kini dikenali sebagai Menara AmBank, dilancarkan secara rasminya oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

## 2005

- Melengkapkan penswastaan AMFB Holdings Berhad.
- AmlInvestment Group disenaraikan di Bursa Malaysia pada 18 Mei 2005 – operasi perbankan pelaburan Kumpulan.
- Pada 1 Jun 2005, penggabungan AmBank dan AmFinance memberi laluan kepada penubuhan AmBank (M) Berhad, bank domestik keenam terbesar di negara.

## 2006

- Pada Januari 2006, AmPrivate Equity, sebuah dana ekuiti swasta, dilancarkan.
- Pada 10 Mac 2006 Insurance Australia Group Limited, Australia memperolehi 30.0% pegangan saham dalam AmAssurance Berhad.
- Pada 16 Februari 2006, AIGB dan ARA Asset Management (Malaysia) Limited (ARA) memasuki usaha sama untuk menguruskan dana pelaburan harta tanah.
- Pada 20 April 2006, Am ARA REIT Managers Sdn Bhd dikorporatkan dengan AIGB memegang 70.0% ekuiti dan ARA 30.0%, untuk menguruskan AmFIRST REIT untuk penyenaraian di Bursa Malaysia.
- Pada 1 Jun 2006, AmlIslamic Bank memulakan operasi, dengan peralihan aset Islam dan liabiliti AmBank ke dalam sebuah anak syarikat yang berasingan.

